

17/11/1999

Cuepacs keluar manifesto sendiri

KUALA LUMPUR, Selasa - Cuepacs buat pertama kali mengeluarkan manifesto sendiri yang antara lain menyatakan sokongan kepada kerajaan yang memerintah kerana rekod pencapaiannya yang cemerlang.

Presidennya, Siva Subramaniam, berkata Cuepacs dan 112 kesatuan gabungannya berpuas hati dengan kerajaan sekarang yang begitu ikhlas untuk membantu kakitangan awam.

Sebagai contoh, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri Kabinet bersedia bertemu dengan Cuepacs untuk berbincang mengenai kebajikan kakitangan awam.

"Ini adalah sesuatu yang amat luar biasa yang tidak berlaku di kebanyakan kesatuan sekerja di negara lain. Kerajaan juga mengiktiraf kewujudan Cuepacs untuk berunding dengan kerajaan.

"Dalam negara demokrasi seperti Malaysia, Cuepacs turut bertanggungjawab untuk menjamin perpaduan dan keamanan dalam negara," katanya dalam sidang akhbar di Wisma Cuepacs di sini, hari ini.

Manifesto Cuepacs yang akan dihantar kepada setiap kesatuan sekerja gabungannya turut menyenaraikan beberapa permintaan kepada kerajaan:

- * Menghapuskan jadual gaji matriks yang diperkenalkan dalam Sistem Saraan Baru (SSB) pada 1992 dengan mewujudkan gaji selapis secara menegak kepada P3.

- * Melanjutkan usia persaraan kepada 58 tahun, seperti permohonan Cuepacs yang dikemukakan kepada kerajaan pada 30 April lalu. Langkah ini akan membolehkan kerajaan memanfaatkan 300,000 pekerja sektor awam.

- * Mewujudkan peluang latihan berterusan terutama dalam bidang teknologi maklumat (IT), khususnya kepada kumpulan sokongan.

- * Mewujudkan gaji minimum RM1,000 dan pencen minimum RM500.

Siva berkata, permintaan Cuepacs bukan bertujuan memberi tekanan kepada kerajaan, sebaliknya adalah permintaan berterusan yang dibuat Cuepacs untuk kebajikan pekerja sektor awam.

Mengenai usia persaraan 58 tahun yang mirip dengan manifesto barisan alternatif yang mahu menetapkan usia persaraan kepada 60 tahun, Siva berkata:

"Cuepacs sudah meminta dengan kerajaan supaya melanjutkan usia persaraan 58 tahun sejak 25 tahun lalu, iaitu sebelum parti pembangkang seperti Parti Keadilan Nasional ditubuhkan," katanya.

Siva juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memberi bonus pada bulan ini, walaupun Belanjawan 2000 akan dibentangkan semula selepas pilihan raya nanti.

(END)